

Menghidup keterampilan karya arca batu marmar yang terpendam dan tenggelam

UB 11.12.2021 P.08

International Marble Art Camp21 Pulau Langkawi pada 26 Nov hingga 10 Dis lepas



CATATAN KANVAS KOYAK
DR BAHARUDDIN MOHD ARUS

HAMPIR 20 pakar serta arcaawan tempatan mengambil bahagian dalam 'art camp' kedua anjuran Balai Seni Lukis Negara Cawangan Langkawi bermula pada 26 November sehingga 10 Disember di Fabilah Marble Craft di Kampung Keda, Langkawi.

Art camp atau perkhemahan Seni Ukiran Batu Marmar kali kedua telah mengumpulkan beberapa pelukis muda dan pelukis negara seperti Yang Mulia Raja Azhar Idris, Shukri bersama isteri Umi Bazura, Nan See bersama suami, Nazri Abdullah, Rashid al Redza dan beberapa seniman muda lain.

Mereka dibantu pakar rujuk dan arcaawan tersohor, Professor Ramlan Abdullah, penulis Dr Baharudin Mohd Arus, pelukis Muhammad Tajjali Abdullah, arcaawan Dr Rosli Zakaria, Abdul Hamid Muhammad, Low Chee Peng dan Muhammad Izzat bin Isa.

Ukiran batu adalah salah satu kemahiran dimiliki masyarakat Melayu di Nusantara sebelum zaman kerajaan Melaka lagi. Mereka berjaya menghasilkan batu nesan, istana, rumah kediaman, batu bersurat, candi Prambanan, Borobudur dan candi di Merbok, Kedah.

Mereka juga membina kota-kota untuk pertahanan dari serangan musuh seperti Kota Melaka dan A Famosa. Namun, tukang batu atau pengukir batu masa lampau tidak menekankan kepada mencanai batu marmar sahaja. Mereka juga mahir mengukir batu yang lebih keras seperti granite yang berkemungkinan marmar susah untuk didapati pada masa dahulu. Sedang di serata dunia batu marmar menjadi usut kegemilangan setiap tamadun dunia yang muncul dalam sejarah manusia, bermula dari Mesir Purba, Yunani, Romawi, Renaisan, China dan juga kerajaan Mughal Farsi dan India.

Mereka berjaya menghasilkan ukiran batu yang indah serta bangunan tersergam hasil dari ukiran batu seperti kuil Abu Simbel, Piramid, patung Dewa Greek, Taj Mahal, Kompleks Istana Cordova dan sebagainya.

Dan keempat, arca batu marmar ini sangat susah untuk dipasarkan dan kurang pengumpulnya, lebih-lebih lagi di kalangan peraih produk seni di negara kita.

Juga berkemungkinan salah faham berkaitan hukum membuat arca yang biasanya di kalangan orang Melayu dianggap sebagai membuat patung atau berhala.

Berdasarkan kepada kekelangan di atas, maka tanggapan atau teori yang menjadikan ukiran batu marmar sebagai karya seni tidak menghairkan seniman pengukir batu perlu menggerakkan semula minat terhadap batu marmar dengan memperbaiki kekelangan yang membendung pelukis untuk lebih cenderung menghasilkan karya ukiran batu selama puluhan tahun.

Untuk permulaan, gerakan retro yang telah dijalankan oleh Balai Seni Lukis Negara Cawangan Langkawi sangat diulau-alukan kerana khemah kerja IMAC21 atau International Marble Art Camp 1 dan 2 adalah usaha pihak berwajib menghidupkan semula keterampilan menghasilkan karya arca batu marmar yang selama ini terpendam dan tenggelam.

Di samping itu, usaha mengadakan khemah kerja seperti IMAC 2019 dan 2021 ini sangat memberi kesan kepada pertumbuhan pesat karya dalam mengangkati media batu marmar sebagai karya seni yang mapan.

Justeru itu, memberikan semangat kepada peserta bengkel agar media batu marmar ini menjadi lebih mesra kepada pengarca tempatan.

Oleh kerana batu marmar serta legenda Langkawi ini sangat rapat dengan pergunakanan dan batu kapur terdapat khazanah batu marmar yang unik di rantau ini, sepatutnya ramai lagi pelukis tempatan berkecimpung dalam penghasilan karya seni ukiran batu marmar.

Oleh sebab itu, kita boleh mencari titik permulaan menghidupkan semula budaya mengukir batu marmar bermula di Pulau Langkawi memandangkan bahawa kehidupan moden memberikan ruang kepada bahantara



ARCAWAN kaca, YM Raja Azhar Idris.



ARCA mamar oleh peserta, Abdul Rashid.



ANTARA arca batu marmar yang dipersiapkan sempena International Marble Art Camp21 Pulau Langkawi.



ARCAWAN Tajjali Abdullah.



MENGHASILKAN arca batu marmar, lambang kesenian Nusantara.

tiada. Berdasarkan kepada tanggapan umum, faktor yang menyebabkan karya seni batu tidak diberikan perhatian oleh pelukis tempatan adalah kerana batu marmar yang sesuai untuk diukir tidak banyak di Malaysia. Yang ada hanya batu marmar Ipoh, Perak, marmar Kedah dan marmar Langkawi sahaja yang mempunyai bahan itu baik untuk diukir sebagai karya seni seperti batu marmar Carrara di Itali.

Kedua, mengukir batu memerlukan tenaga serta kekuatan yang biasanya dimiliki oleh orang muda. Sebab itu, seni arca biasanya dihasilkan oleh arcaawan muda.

Ketiga, ilmu teknikal serta kemahiran mencanai yang diperlukan untuk menjelaskan hasil karya arca adalah sangat kurang di kalangan pelukis tempatan melainkan mereka yang mendapat didikan di luar negara.

Dan keempat, arca batu marmar ini sangat susah untuk dipasarkan dan kurang pengumpulnya, lebih-lebih lagi di kalangan peraih produk seni di negara kita.

Juga berkemungkinan salah faham berkaitan hukum membuat arca yang biasanya di kalangan orang Melayu dianggap sebagai membuat patung atau berhala.

Berdasarkan kepada kekelangan di atas, maka tanggapan atau teori yang menjadikan ukiran batu marmar sebagai karya seni tidak menghairkan seniman pengukir batu perlu menggerakkan semula minat terhadap batu marmar dengan memperbaiki kekelangan yang membendung pelukis untuk lebih cenderung menghasilkan karya ukiran batu selama puluhan tahun.

Untuk permulaan, gerakan retro yang telah dijalankan oleh Balai Seni Lukis Negara Cawangan Langkawi sangat diulau-alukan kerana khemah kerja IMAC21 atau International Marble Art Camp 1 dan 2 adalah usaha pihak berwajib menghidupkan semula keterampilan menghasilkan karya arca batu marmar yang selama ini terpendam dan tenggelam.

Di samping itu, usaha mengadakan khemah kerja seperti IMAC 2019 dan 2021 ini sangat memberi kesan kepada pertumbuhan pesat karya dalam mengangkati media batu marmar sebagai karya seni yang mapan.

Justeru itu, memberikan semangat kepada peserta bengkel agar media batu marmar ini menjadi lebih mesra kepada pengarca tempatan.

Oleh kerana batu marmar serta legenda Langkawi ini sangat rapat dengan pergunakanan dan batu kapur terdapat khazanah batu marmar yang unik di rantau ini, sepatutnya ramai lagi pelukis tempatan berkecimpung dalam penghasilan karya seni ukiran batu marmar.

Oleh sebab itu, kita boleh mencari titik permulaan menghidupkan semula budaya mengukir batu marmar bermula di Pulau Langkawi memandangkan bahawa kehidupan moden memberikan ruang kepada bahantara

batu marmar bukan sahaja menjadi bahan binaan ia juga sepatutnya menjadi bahan hiasan serta menjadi satu identiti sesebuah negara.

Memandangkan bahan mentah untuk menghasilkan karya ukiran batu marmar banyak terdapat di negara kita terutama sekali di Pulau Langkawi yang terkenal dengan marmar dan legenda mahuri, maka arcaawan tempatan sepatutnya berjinjak dengan bahan batu ini kerana sebagai talaan seni yang berupaya dicanai mengikut kehendak seniman di samping bahan ini sangat tahan dan sesuai sebagai bahan kreatif atau meja dan juga arca awan.

Banyak masalah terdapat terhadap arca awan yang menggunakan bahan logam dan kayu namun penajangan terhadap bahan batu marmar ini sangat minimum. Itulah sebabnya bahan marmar ini sangat popular sebagai bahan arca di luar negara.

Di Malaysia terdapat juga arcaawan yang menggunakan bahan marmar sebagai karya mereka umpamanya Datuk Syed Ahmad Jamal, Professor Ramlan Abdullah, Muhamad Tajjali, Mad Anuar, Low Chee Peng dan sebagainya. Namun, kita tiada pelapis yang sanggup mengambil cabaran untuk membuat arca batu marmar di masa hadapan.

Boleh dikatakan bahawa arca batu marmar telah berjaya meletakkan kewibawaan dan identiti bandar raya metropolitan seperti London, Sao Paulo, Madrid, New York, Singapura, Jakarta dan sebagainya terkenal dengan arca batu mereka.

Semoga Pulau Langkawi menjadi pusat karya batu marmar terkenal di rantau ini dan banyak arca marmar menjadi hiasan bandar bandar di Malaysia di suatu masa nanti yang telah berlaku di masa lampau.

Oleh itu, Balai Seni Lukis Negara Pulau Langkawi telah berjaya menghidupkan program IMAC 2019 dan 2021 dengan program tersebut



INFORMASI: Penulis memberi ceramah di IMAC21 di Langkawi.



PERKONGSIAN Idea antara penulis bersama peserta bengkel.

beberapa arcaawan berpotensi telah dikenal pasti bagi menggariskan senario arca di masa hadapan.

Professor Ramlan, Fairuz Ismail, pengarah BSLN Langkawi, Dr Rosli Zakaria, Tajjali, Mohd Haslin

dan beberapa tokoh yang memperjuangkan agar International Marble Art Camp ini diteruskan dan mendapat sokongan luas oleh khalayak seni Malaysia dengan lebih bersemarak lagi di masa hadapan.



PROF Ramlan Abdullah, moderator IMAC 21.



SHUKRI dan Umi Bazura.